

29 OCT 2003

Dewan-Kelantan (Petrokimia)

KERAJAAN KELANTAN HARAP PROJEK PETROKIMIA DAPAT DITERUSKAN

KOTA BAHARU, 29 Okt (Bernama) -- Projek petrokimia di Pantai Senok, Bachok, masih terbengkalai atas sebab-sebab kepentingan politik yang sempit, kata Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Abdul Halim Abdul Rahman.

Oleh itu katanya, Kerajaan Kelantan terus berharap kerajaan pusat dapat melaksanakan projek itu kerana ia bakal memberi faedah ekonomi yang besar kepada penduduk negeri ini.

Projek petrokimia di Pantai Senok yang terbengkalai itu sebenarnya projek usahasama antara Koperasi Usaha Bersatu (KUB) dan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Keloil Sdn Berhad.

"Kita telah beberapa kali berunding supaya projek itu dipercepatkan tetapi saya difahamkan pihak terbabit mendapat tentangan daripada kalangan anggota politik di Kelantan," katanya di hari keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan di sini, hari ini.

Abdul Halim berkata demikian semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Wan Othman Wan Yusoff (Pas-Tendong) yang ingin tahu sejauh mana usaha kerajaan dalam rundingan dengan kerajaan pusat dan Petronas mengenai projek pendaratan minyak dan gas di pantai berkenaan.

Abdul Halim berkata Kelantan bersetuju dengan projek itu memandangkan seramai 33,000 orang yang menganggotai KUB terdiri daripada rakyat Kelantan yang sudah tentu hasilnya dapat dinikmati sebilangan besar rakyat Kelantan sendiri.

Rakyat akan menikmati manfaatnya dalam tempoh jangka panjang memandangkan kawasan itu mempunyai simpanan minyak dan gas sebanyak 13 trilion meter padu dan mampu menampung pengeluaran bagi tempoh 60 tahun.

Bagaimanapun Kerajaan Negeri akan berusaha agar projek itu dapat diteruskan melalui pihak ketiga yang tidak terbabit dengan kepentingan politik terutama selepas pertukaran pucuk pimpinan negara.

Beliau berharap apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambilalih jawatan Perdana Menteri daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersara Jumaat ini, akan membuka era baru termasuk menamatkan tentangan sesetengah pemimpin politik di Kelantan terhadap pelaksanaan projek kerajaan pusat.

Ketika menjawab soalan Mamat Abdullah (Pas-Pergau) yang ingin tahu berapakah keluasan tanah yang telah diterokai oleh agensi kerajaan pusat di luar sempadan yang telah diluluskan Kerajaan Negeri, Abdul Halim berkata kerajaan sedang mengenalpasti jumlah keluasan itu melalui pejabat tanah dan jajahan.

Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Takiyuddin Hassan pula berkata kerajaan tidak akan mewujudkan jawatan Yang Dipertua sepenuh masa bagi majlis-majlis daerah kerana ia bercanggah dengan dasar kerajaan pusat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menetapkan setiap majlis daerah layak mengisi jawatan itu sekiranya mendapat kutipan hasil sebanyak RM10 juta setahun, katanya ketika menjawab soalan Md Anizam Ab Rahman (Pas-Kemahang).

Menjawab soalan Zulkifli Yaacob (Pas-Guchil) yang ingin tahu bagaimana sekiranya Kerajaan Negeri mengetepikan peraturan itu, Takiyuddin berkata majlis-majlis daerah mungkin akan kehilangan geran bantuan tahunan yang diberikan oleh Kementerian itu setiap tahun.

"Sekarang pun sudah ada peruntukan yang negeri lain dapat kita

(Kelantan) tak dapat," katanya.
-- BERNAMA
WM BD PR